AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

# Wujudkan SOP siasat kes buli kakitangan kesihatan

## MMA cadang hadkan kuasa ketua jabatan bagi bolehkan pendengaran kes secara adil

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) digesa mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) pengendalian laporan dan pengurusan kes buli kakitangan kesihatan.

Mencadangkan demikian dalam satu kenyataan semalam, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) turut mengesyorkan KKM mewujudkan garis masa bagi melengkapkan siasatan dan penyelesaian kes.

Presiden MMA, Dr Azizan Abdul Aziz, berkata pihaknya juga mahu KKM mengehadkan kuasa tertentu diberikan kepada ketua jabatan atau pengarah hospital bagi membolehkan pendengaran kes buli diadakan secara adil.

"Masukkan juga ahli panel bebas dalam unit integriti bagi perbicaraan kes buli secara adil," katanya menegaskan, buli menimbulkan risiko besar kepada keselamatan kakitangan kesihatan dan pesakit.

Media sebelum ini melaporkan seorang doktor lelaki di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh membuat laporan polis kerana penyebaran surat layang memburukkannya yang didakwa mengganggu doktor pelatih wanita dan mengugut memanjangkan tempoh latihan mereka.

Dalam pada itu, Dr Azizan berkata, tindakan menyebar surat layang di media sosial sangat merisaukan dan mungkin disebabkan mangsa buli kini sudah tidak percaya kepada sistem yang disediakan untuk membuat laporan.

### Aduan tak diendah

"Bagi mangsa buli di tempat kerja, setiap detik yang mereka tanggung adalah penting. Amat mengecewakan apabila laporan buli yang diterima, namun 'disambut' dengan respons perlahan dan tindakan kurang memberangsangkan.

"MMA ada menerima laporan daripada sekumpulan doktor di Sabah, bahawa mereka menggunakan saluran yang betul untuk membuat laporan buli yang membabitkan pakar dan pegawai perubatan.

"Apabila dimajukan perkara itu kepada KKM, ia memaklumkan kes itu sedang disiasat. Pengadu yang sama baru-baru ini menyatakan kes itu masih berleluasa dan tidak berhenti. Mungkin ada sesuatu yang tidak kena dengan sistem berkenaan.

"Laporan mesti dilayan dengan penuh kesungguhan," katanya menambah langkah disyorkan MMA mampu kembalikan kepercayaan kakitangan kesihatan terhadap Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) atau sistem lain yang menerima laporan kes buli.

Beliau menambah, MMA sudah berulang kali mengemukakan jalan penyelesaian bagi membanteras kejadian buli, namun tidak satu pun diterima pakai KKM.

Kebanyakan cadangan MMA, katanya, tidak memerlukan sebarang perbelanjaan tambahan dana awam, antaranya hadkan kuasa pengarah hospital dan ketua jabatan dalam sebarang kes buli.

Beliau menambah, penubuhan Pasukan Petugas Peningkatan Budaya Kerja Penjagaan Kesihatan (HWCITF) KKM pada 2022 adalah langkah tepat, tetapi sehingga kini tiada susulan pelaksanaan mana-mana cadangannya.

Justeru, beliau berkata, kerajaan mesti menjelaskan mengapa perkara itu berlaku ke atas HWCITF, yang ditubuh untuk mengkaji semula budaya kerja dalam penjagaan kesihatan awam, terutama jika ia membabitkan wang pembayar cukai.

Dr Azizan dalam pada itu menghargai Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad kerana menyatakan pendirian kukuhnya menentang buli dan MMA berharap akan ada penambahbaikan tidak lama lagi mengenai perkara itu.

"Ada keperluan mendesak untuk perubahan sistemik bagi memastikan persekitaran yang selamat dan menyokong semua profesional penjagaan kesihatan. Moral tenaga kerja penjagaan kesihatan awam masa ini berada pada tahap rendah," katanya.

Katanya, masa ini berlaku trend peletakan jawatan dalam kalangan doktor kontrak dan pakar dalam penjagaan kesihatan awam, sekali gus kegagalan menangani buli dengan berkesan sudah pasti akan memburukkan lagi isu berkenaan.

> Bagi mangsa buli di tempat kerja, setiap detik yang mereka tanggung adalah penting. Amat mengecewakan apabila laporan buli yang diterima, namun 'disambut' dengan respons perlahan dan tindakan kurang memberangsangkan

*Dr Azizan Abdul Aziz, Presiden MMA*



**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NASIONAL**

# Kerajaan tidak dipengaruhi pelobi laksana GEG

**Kuala Lumpur:** Kerajaan dan Kabinet tidak dipengaruhi wakil industri dan pelobi berhubung penggubalan dan pelaksanaan dasar berkaitan generasi penamat rokok (GEG).

Sebaliknya, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata ketetapan itu dibuat terkait dengan pendirian dan pandangan Peguam Negara.

Katanya, diakui ada wakil industri dan pelobi datang untuk membuat pertemuan dengan Ahli Parlimen berhubung isu itu dan perkara itu tidak menjadi kesalahan dalam sistem demokrasi.

"(Namun) saya kira adalah tidak wajar melanjutkan pengaruh (anggapan) itu bahawa wakil industri dan pelobi mempengaruhi kerajaan serta Kabinet.

"Itu saya kira salah pada fakta dan salah (anggapan) pada ucapan Timbalan Menteri kerana saya semak perkara itu," katanya pada sesi soalan lisan di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (MUDA-Muar) mengenai keputusan mengubah pembentangan GEG.

Katanya, keputusan untuk tidak membawa GEG bersama Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) adalah disebabkan isu Perlembagaan yang menjadi besar.

"Itulah sebabnya kerajaan mengambil sikap tidak membawa GEG, bersekali dalam Akta 852.

"Hanya itu dan tidak ada kena mengena dengan pelobi atau apa pun yang dianggap atau kita anggap dengan persepsi di luar sana," katanya.

Khamis lalu, Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni mendedahkan tindakan melobi oleh wakil industri tembakau dan vape banyak mempengaruhi pengguguran peruntukan GEG daripada akta untuk mengawal merokok.

Lukanisman berkata, pelobi bertemu dengan Ahli Parlimen sebelum perbahasan rang undang-undang itu, mempengaruhi pandangan mereka terhadap langkah GEG yang bertujuan mewujudkan generasi masa depan yang bebas rokok.

> Tidak ada kena mengena dengan pelobi atau apa pun yang dianggap atau kita anggap dengan persepsi di luar sana
>
> *Dr Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan*



## Laksana kawal selia

Menjawab soalan Syed Saddiq berhubung pelan bagi mengawal selia industri vape dan melarang bahan terlarang seperti nikotin, tembakau, tampalan dan gula-gula getah yang dikecualikan daripada Akta Racun 1952, Dr Dzulkefly berkata, pihak Kementerian Kesihatan (KKM) mengambil langkah membuat kawal selia terhadap industri vape atau cecair rokok elektronik melalui Akta 852 yang diwartakan pada 2 Februari 2024.

Katanya, Seksyen 7 dan 9 dalam Akta 852 memperuntukkan larangan terhadap pengiklanan, promosi dan tajaan sebarang produk merokok termasuk vape atau cecair rokok elektronik.

"Kawalan terperinci meliputi pendaftaran, kawalan penjualan dan pembungkusan dirangka mengikut peraturan yang dijangka akan dikuatkuasakan serentak dengan akta ini.

"Sebarang sediaan mengandungi nikotin masih dikawal mengikut Jadual Pertama, Akta Racun 1952 [Akta 366]. Pengecualian hanya dibuat terhadap sediaan cecair atau gel mengandungi nikotin untuk tujuan merokok menggunakan rokok elektronik atau peranti pengewapan elektronik," katanya.

Katanya, susulan pengecualian itu, semua sediaan cecair atau gel mengandungi nikotin untuk tujuan merokok akan dikawal mengikut Akta 852 dan peraturan yang akan dibuat di bawahnya.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 8**
**RUANGAN : NASIONAL**

# Jangkitan penyakit sifilis berkurang menerusi PrEP

**Seramai** 3,451 individu menerima Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) sejak projek perintis dimulakan pada Januari 2023 sehingga 11 Januari lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata analisis awal penggunaan PrEP mendapati terdapat penurunan jangkitan penyakit sifilis iaitu daripada 11 kepada kepada 6.5 peratus selepas enam bulan dan 1.3 peratus selepas 12 bulan.

Beliau berkata, PrEP adalah pencegahan HIV yang berkesan dan terbukti secara saintifik dapat mencegah sehingga 99 peratus penularan penyakit itu secara seksual.

Katanya, projek perintis dilaksanakan di 18 klinik kesihatan dan diperluaskan kepada tiga klinik yang lain pada pertengahan tahun sama.

Beliau menjawab soalan Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Kuala Langat) di Dewan Rakyat, semalam.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 13**
**RUANGAN : MINDA PEMBACA**

# Ramadan peluang terbaik mulakan misi berhenti merokok

Noor Eszereen Juferi,
Universiti Putra Malaysia

**Umum** tahu tabiat merokok membawa pelbagai kesan buruk kepada manusia. Namun, bagi perokok tegar, perkara ini tidak diambil serius dan menganggapnya tidak penting. Hal ini disokong dengan pendedahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 2023, dianggarkan terdapat lima juta perokok semasa di negara ini dan jumlah itu akan bertambah dalam kalangan penduduk berusia 15 hingga 40 tahun.

Pada peringkat kerajaan, Malaysia sudah menguatkuasakan larangan merokok pada Januari 2019 di tempat awam, terutama di premis makanan. Malah, dengan ledakan penggunaan rokok elektronik dan vape, pada Disember 2023, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut menyokong usaha KKM dengan melancarkan 'Kempen Hidup Sihat Cegah Rokok dan Vape' bagi memberi kesedaran kepada murid sekolah mengenai bahaya vape.

Merokok adalah ketagihan. Ada kala perokok gagal melawan keinginan untuk terus merokok, meskipun berniat meninggalkan tabiat itu. Jadi, sempena kedatangan Ramadan 1445H, ia adalah peluang terbaik bagi perokok tegar untuk memulakan misi untuk berhenti merokok.

Hal ini dipersetujui oleh Pensyarah Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Suriani Ismail yang menyifatkan Ramadan adalah bulan istimewa kerana ia menyediakan persekitaran kondusif untuk perokok berhenti merokok.

Dr Suriani sebelum ini bersama rakan penyelidik dan mahasiswa dari Jabatan Kesihatan Komuniti, FPSK menjalankan kajian mengenai Kesan Intervensi Berhenti Merokok Berasaskan Akidah pada Ramadan dalam Kalangan Perokok Melayu pada 2016.

Menerusi kajian itu, beliau membangunkan program intervensi kepada golongan sasar yang berhenti rokok pada Ramadan dan mendapati penurunan paras nikotin dalam air liur perokok. Hal ini katanya, adalah tanda positif.




## Wujudkan masyarakat lebih sihat

Sebelum ini KKM turut melaksanakan kempen 'Nafas Baharu Bermula Ramadan' dan ia adalah acara yang boleh diperkasakan bagi memberi galakan kepada perokok untuk memanfaatkan Ramadan sebagai masa terbaik berhenti merokok.

Mengapa Ramadan dianggap tempoh waktu terbaik untuk berhenti merokok? Hal ini kerana mereka akan berpuasa dan tidak boleh merokok pada siang hari. Justeru, rutin itu akan mendorong dan memudahkan lagi usaha untuk berhenti merokok kerana tempoh berpuasa juga agak panjang iaitu 14 jam.

Merokok sebenarnya bukan hanya membahayakan diri individu perokok, tetapi mereka harus sedar atas kemampuan untuk menjadi pencetus kepada berlaku perokok pasif dan tertier yang menjejas kesihatan.

Hal ini bermaksud, mereka yang menghidu asap rokok, terutama kanak-kanak akan mendapat implikasi sampingan kesan daripada asap yang dibebaskan serta sisanya.

Justeru, perokok seharusnya mengambil peluang pada bulan yang mulia ini untuk berazam berhenti merokok dan membudayakan gaya hidup yang sihat bukan sahaja demi kepentingan kesihatan diri, tetapi juga keluarga.

Perokok yang berhenti merokok akan memperoleh manfaat kesihatan yang lebih optimum. Malah kajian perubatan menunjukkan langkah berhenti merokok akan membantu mengurangkan risiko pelbagai penyakit kronik serta meningkatkan tahap kesihatan seisi keluarga selain melahirkan generasi yang bebas merokok pada masa depan.

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 16**
**RUANGAN : DEWAN RAKYAT**

# PrEP terbukti berkesan dapat cegah HIV

**Kuala Lumpur:** Dewan Rakyat semalam dimaklumkan seramai 3,451 individu menyertai program pencegahan HIV, Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) sejak projek perintis itu dimulakan pada Januari, tahun lalu.

**Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad** berkata, PrEP adalah kaedah pencegahan HIV yang berkesan dan terbukti secara saintifik dapat mencegah sehingga ke paras 99 peratus penularan HIV secara seksual.

Katanya, projek itu dilaksana di 18 klinik kesihatan dan ditambah tiga lagi klinik pada pertengahan tahun 2023, menjadikan keseluruhan 21 klinik.

"Berdasarkan analisis awal, sehingga bulan keenam dan ke-12 penggunaan PrEP, terdapat penurunan kadar jangkitan penyakit Syphilis iaitu daripada 11 peratus kepada 6.5 peratus selepas enam bulan dan 1.3 peratus selepas 12 bulan penggunaan PrEP.

"Peratus klien yang sentiasa menggunakan kondom meningkat daripada 30 peratus kepada 38.6 peratus selepas enam bulan dan 44 peratus selepas 12 bulan penggunaan PrEP.

"Peratus klien yang mempunyai hanya satu pasangan seksual (monogamous) juga meningkat daripada 7.2 peratus kepada 19.4 peratus selepas enam bulan dan 29.6 peratus selepas 12 bulan penggunaan PrEP," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan **Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Kuala Langat)** mengenai status terkini program PrEP kepada individu yang mempunyai pasangan HIV positif, terutama yang mengamalkan seks bebas dan seks songsang dalam keadaan belum ada keputusan daripada pihak Majlis Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) atau Jawatankuasa Fatwa.

Mengulas lanjut Dr Dzulkefly berkata, terdapat 51 klien berhenti menggunakan PrEP kerana tidak lagi melakukan aktiviti seksual yang berisiko.

"Terdapat tiga kes positif HIV atau 0.09 peratus kerana pengguna tidak patuh kepada pengambilan PrEP. Kadar ini jauh lebih rendah berbanding negara-negara lain yang melaksanakan PrEP dengan lebih awal," katanya.

Menurutnya, hasil dapatan awal kajian ini menunjukkan klien yang mengambil PrEP mematuhi dan mengamalkan nasihat pencegahan jangkitan HIV melalui penggunaan kondom secara konsisten serta perubahan tingkah laku yang lebih baik, walaupun sedang menggunakan PrEP.

Dalam pada itu, beliau berkata program PrEP dijangka diperluas kepada 10 lagi klinik pada tahun ini dengan jangkaan keseluruhan klinik terbabit adalah 31 klinik di 14 negeri.

Dr Dzulkefly berkata, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis pada 23 hingga 24 Julai 2023 telah mengeluarkan fatwa hukum harus bagi pengamal perubatan memberikan PrEP untuk mencegah penularan HIV.

"Bagaimanapun, individu yang mengambil PrEP untuk menggalakkan dirinya melakukan seks bebas atau songsang adalah haram," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : LOKAL

# Permaisuri Agong lawat SDH HTA

**Kuala Lumpur:** Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah, semalam, berkenan mencemar duli menziarahi pesakit kanak-kanak di Hospital Tunku Azizah (HTA) di sini.

Seri Paduka meluangkan masa lebih sejam menyantuni kira-kira 40 pesakit berumur bawah 15 tahun di hospital berkenaan dan mengurniakan sumbangan sempena Aidilfitri yang akan disambut tidak lama lagi.

Raja Zarith Sofiah kemudiannya mencemar duli melawat Sekolah Dalam Hospital (SDH) HTA yang menyediakan kelas untuk pesakit sekolah rendah dan menengah.

SDH ditubuhkan hasil kerjasama antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan bagi menyediakan pendidikan berterusan secara formal dan berstruktur dalam persekitaran yang kondusif bagi murid yang sedang menerima rawatan.

Turut serta dalam lawatan itu ialah Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, Pengarah Hospital Kuala Lumpur Datin Dr Rohana Johan dan Pengarah HTA Dr Shamsul Anuar Kamarudin.

**Seri Paduka luang masa lebih sejam santuni kira-kira 40 pesakit**



RAJA Zarith Sofiah berkenan mencemar duli melawat SDH HTA yang menyediakan kelas sekolah rendah dan menengah ketika menziarahi pesakit kanak-kanak di HTA, Kuala Lumpur, semalam.

# GEG: Kerajaan tidak dipengaruhi wakil industri vape, pelobi

**Kuala Lumpur:** Kerajaan tidak dipengaruhi oleh wakil industri vape mahupun pelobi dalam mengubah keputusan untuk merealisasikan Generasi Penamat Rokok (GEG).

*Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad* berkata, sebaliknya ketetapan itu dibuat terkait dengan pendirian Pejabat Peguam Negara (AGC).

Menurutnya, sememangnya wakil industri dan pelobi datang untuk membuat pertemuan dengan Ahli Parlimen dan perkara itu tidak menjadi kesalahan.

**"Namun persoalan dibangkitkan dan saya kira agak tidak wajar adalah melanjutkan pengaruh itu wakil industri (vape) dan pelobi mempengaruhi kerajaan dan juga Kabinet"**

"Namun persoalan dibangkitkan dan saya kira tidak wajar melanjutkan pengaruh itu wakil industri (vape) dan pelobi mempengaruhi kerajaan dan juga Kabinet.

"Itu saya kira adalah salah, salah pada fakta dan salah pada pengucapan Timbalan Menteri kerana saya semak perkara itu," katanya menjawab pertanyaan di Dewan Rakyat di sini, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : LOKAL

# CAP minta tubuh RCI siasat pemain industri tembakau, vape

**Georgetown:** Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan supaya menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berkaitan pemain industri tembakau dan vape yang didakwa melobi ahli Parlimen (MP) di Parlimen, seperti yang didedahkan baru-baru ini.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, ia jelas mencemarkan kemuliaan Parlimen sebagai tempat yang mana undang-undang digubal demi kepentingan negara.

Katanya, industri tembakau dan vape jelas sudah melanggar Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi Kawalan Tembakau (FCTC).

"Kami ingin tahu kenapa penggubal dasar Malaysia membenarkan industri mempengaruhi hasil Rang Undang-undang Generasi Penamat (GEG) yang dicadangkan itu?

"Malaysia sudah meratifikasi WHO FCTC pada 2005 iaitu hampir dua dekad yang lalu, namun bagaimana ia boleh berlaku di tempat yang mulia di mana undang-undang diluluskan?," katanya.

Mengulas lanjut, Mohideen berkata, ia adalah perkara yang amat memalukan serta tidak sepatutnya diterima dalam apa juga cara.

Katanya, CAP berterima kasih kerana Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Lukanisman Awang Sauni mengakui bahawa pemain industri tembakau dan vape sudah bertemu dengan ahli Parlimen di Parlimen bagi melobi supaya GEG dikecualikan.



> Bagaimana ia boleh berlaku di tempat yang mulia
> Mohideen

"Beliau (Lukanisman) akhirnya mengesahkan kejadian ini yang berlaku sejak Oktober tahun lalu dan pelobi seperti peniaga dadah (nikotin juga memberi ketagihan) dengan melobi ahli Parlimen bagi mengesahkan sesuatu sehingga akhirnya menghancurkan belia serta negara.

"Malangnya, terdapat beberapa penggubal dasar yang terbabit dalam skim besar ini mengecualikan GEG bagi melayani agenda pelobi yang mahu terus menagih rakyat Malaysia untuk beberapa generasi akan datang supaya mereka mendapat keuntungan daripadanya," katanya lagi.

Menurut Mohideen lagi, memandangkan perkembangan semasa itu, CAP mengulang gesaan supaya kerajaan menubuhkan RCI berkaitan perkara yang mempunyai kepentingan negara.

Katanya, CAP juga ingin mengetahui sejauh mana 'penyusupan' dan 'pengaruh' pelobi terhadap ahli Parlimen dan siapa di sebalik usaha bagi mensabotaj GEG.

"Melainkan menyalahguna proses Parlimen ini dicegah, ia akan membuka pintu kepada kuasa luar termasuk kerajaan asing bagi mempengaruhi kerajaan untuk melaksana agenda mereka.

"CAP juga menggesa Parlimen bagi meminda Akta Kawalan Produk Merokok untuk Kesihatan Awam 2023 demi mengembalikan semula komponen GEG tanpa sebarang penangguhan," katanya lagi.

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NEGARA**

# 3,451 sertai program cegah HIV

**KUALA LUMPUR** – Seramai 3,451 individu menyertai program pencegahan HIV, Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) sejak projek perintis itu dimulakan bermula Januari tahun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, projek itu dilaksanakan di 21 klinik kesihatan secara keseluruhan bagi mencegah sehingga 99 peratus penularan HIV secara seksual.

Menurutnya, berdasarkan analisis awal sehingga bulan keenam dan ke-12 penggunaan PrEP, terdapat penurunan kadar jangkitan penyakit sifilis iaitu daripada 11 peratus kepada 6.5 peratus selepas enam bulan dan 1.3 peratus selepas 12 bulan penggunaan PrEP.

"Peratus klien yang sentiasa menggunakan kondom meningkat daripada 30 peratus kepada 38.6 peratus selepas enam bulan dan 44 peratus selepas 12 bulan penggunaan PrEP.

"Peratus klien yang mempunyai hanya satu pasangan seksual (*monogamous*) juga meningkat daripada 7.2 peratus kepada 19.4 peratus selepas enam bulan dan 29.6 peratus selepas 12 bulan penggunaan PrEP," katanya di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (**PN-Kuala Langat**) mengenai status terkini program PrEP kepada individu yang mempunyai pasangan HIV positif, terutama yang mengamalkan seks bebas dan seks songsang.

Mengulas lanjut, Dr. Dzulkefly berkata, terdapat 51 klien berhenti menggunakan PrEP kerana tidak lagi melakukan aktiviti seksual yang berisiko.

"Terdapat tiga kes positif HIV atau 0.09 peratus kerana pengguna tidak patuh kepada pengambilan PrEP. Kadar ini jauh lebih rendah berbanding negara-negara lain yang melaksanakan PrEP lebih awal," ujarnya.

Menurutnya, hasil dapatan awal kajian ini menunjukkan, klien yang mengambil PrEP mematuhi dan mengamalkan nasihat pencegahan jangkitan HIV melalui penggunaan kondom secara konsisten.

Dalam pada itu, beliau berkata, program PrEP dijangka diperluas kepada 10 lagi klinik pada tahun ini menjadikan keseluruhan 31 klinik di 14 negeri.

Dr. Dzulkefly berkata, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis pada 23 dan 24 Julai 2023 telah mengeluarkan fatwa hukum harus bagi pengamal perubatan memberikan PrEP untuk mencegah penularan HIV.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

# GEG gugur bukan kerana pelobi

## Dr Dzulkefly jawab salah faham kenyataan timbalannya

Oleh **MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI**
KUALA LUMPUR

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menafikan pengguguran peruntukan generasi penamat (GEG) dalam penggunaan tembakau dan vape berpunca daripada pengaruh pelobi.

Sebaliknya tegas Dr Dzulkefly, kegagalan itu berlaku disebabkan terdapat isu melibatkan perlembagaan.

"Itu saya kira adalah salah, salah pada fakta dan salah (anggapan) pada ucapan timbalan menteri kerana saya semak perkara itu.

"Tidak ada kena mengena dengan pelobi atau apa-apa dianggap persepsi di luar," katanya di Dewan Rakyat pada Rabu ketika menjawab soalan **Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Muda-Muar)** sama ada pengguguran GEG disebabkan pelobi industri vape atau kerana faktor undang-undang.

Dr Dzulkefly berkata, kerajaan mahu mengemukakan GEG namun Jabatan Peguam Negara membangkitkan isu berkaitan perlembagaan.



DR DZULKEFLY

Katanya, keputusan untuk tidak membawa GEG bersama Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) adalah disebabkan isu perlembagaan yang menjadi besar.

"Itulah sebabnya kerajaan mengambil sikap untuk tidak membawa GEG, bersekali dalam Akta 852.

"Hanya itu dan tidak ada kena mengena dengan pelobi atau apa pun yang dianggap atau kita anggap dengan persepsi di luar sana," katanya.

Beliau juga mengakui ada wakil industri dan pelobi datang bertemu ahli Parlimen berhubung isu itu namun ia tidak menjadi kesalahan dalam sistem demokrasi.

"(Namun) saya kira adalah agak tidak wajar melanjutkan pengaruh (anggapan) itu bahawa wakil industri dan pelobi mempengaruhi kerajaan dan juga Kabinet," katanya lagi.

Khamis lalu, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni mendedahkan tindakan melobi oleh wakil industri tembakau dan vape banyak mempengaruhi pengguguran peruntukan GEG daripada undang-undang untuk mengawal merokok.

Menurut Lukanisman, pelobi bertemu secara langsung dengan ahli Parlimen sebelum perbahasan rang undang-undang itu, mempengaruhi pandangan mereka terhadap langkah GEG yang bertujuan untuk mewujudkan generasi masa depan yang bebas rokok.

Menjawab satu lagi soalan tambahan Syed Saddiq mengenai garis masa pelaksanaan peraturan baharu terhadap industri vape dan bahan-bahan terlarang seperti nikotin, Dr Dzulkefly berharap ia dapat dilaksanakan pada Jun tahun ini.

"Kita akan usahakan dan pasukan sedang bekerja keras untuk menyelesaikannya lebih awal berbanding tarikh akhir," jawabnya.

Berhubung pelan untuk mengawal selia industri vape dan bahan terlarang, Dr Dzulkefly berkata, kawalan terperinci meliputi pendaftaran, penjualan dan pembungkusan produk itu telah dirangka dalam peraturan yang dijangka dikuatkuasakan serentak dalam Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024, yang telah diluluskan bulan lepas namun belum berkuat kuasa.

LAPORAN MUKA DEPAN

# GEG: CAP gesa tubuh RCI siasat isu lobi MP

**GEORGE TOWN -** Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung tindakan pemain industri tembakau dan vape yang didakwa melobi ahli Parlimen seperti didedahkan baru-baru ini.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, perbuatan itu telah mencemarkan kemuliaan Parlimen sebagai tempat undang-undang digubal untuk kepentingan negara.

Menurutnya, tindakan itu juga menunjukkan industri tembakau dan vape jelas telah melanggar Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi Kawalan Tembakau (FCTC).

"Kami ingin tahu kenapa penggubal dasar Malaysia membenarkan industri untuk mempengaruhi hasil Rang Undang-Undang Generasi Penamat (GEG) yang dicadangkan itu.

"Malaysia telah meratifikasi WHO FCTC pada 2005, hampir dua dekad yang lalu, namun ini boleh berlaku di tempat yang mulia di mana undang-undang diluluskan. Ia adalah amat memalukan dan mensubversi proses perundangan," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Mohideen menambah, perkara itu tidak sepatutnya diterima dalam apa juga cara.

"Kami sangat berterima kasih kerana Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni mengakui bahawa pemain industri tembakau dan vape telah bertemu dengan ahli Parlimen di Parlimen itu sendiri untuk melobi agar GEG dikecualikan.

"Beliau akhirnya mengesahkan kejadian itu berlaku sejak Oktober 2023.

"Pelobi ini diibaratkan seperti peniaga dadah (nikotin menyebabkan ketagihan) dengan melobi ahli Parlimen untuk mengesahkan sesuatu yang akhirnya akan menghancurkan belia dan negara," tambah beliau lagi.

Kata Mohideen, malangnya terdapat beberapa penggubal dasar yang terlibat dalam skim besar itu mengecualikan GEG untuk melayani agenda pelobi yang mahu terus menagih rakyat Malaysia untuk beberapa generasi akan datang supaya mereka mendapat keuntungan daripadanya.

"Memandangkan perkembangan semasa ini, kami mengulangi gesaan kami agar kerajaan menubuhkan RCI mengenai perkara yang mempunyai kepentingan negara ini.

"Kami ingin mengetahui sejauh mana 'penyusupan' dan 'pengaruh' pelobi terhadap ahli Parlimen kita. Kami juga ingin mengetahui siapa di sebalik usaha untuk mensabotaj GEG.

"Melainkan menyalah guna proses Parlimen ini dicegah, ia akan membuka pintu kepada kuasa luar termasuk kerajaan asing untuk mempengaruhi kerajaan untuk melaksanakan agenda mereka," jelasnya.

Beliau turut menggesa Parlimen untuk meminda Akta Kawalan Produk Merokok untuk Kesihatan Awam 2023 untuk mengembalikan semula komponen GEG tanpa sebarang penangguhan.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 10**
**RUANGAN : NASIONAL**

# Risiko strok haba

## El Nino diramal berterusan hingga hujung bulan ini

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
SHAH ALAM

FOTO: BERNAMA



Pemandangan kawasan sawah padi yang kering kontang berikutan cuaca panas ketika tinjauan di Perlis.

Fenomena El Nino dengan suhu mencecah 40 darjah Celsius diramal berterusan sehingga hujung bulan ini yang boleh meningkatkan lagi ancaman strok haba kepada manusia.

Pakar Meteorologi di Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan dan Institut Sains Samudera dan Bumi, Universiti Malaya, Profesor Datuk Dr Azizan Abu Samah berkata, serangan strok haba boleh berlaku dalam keadaan suhu mencecah 37 darjah Celsius dan ke atas.



AZIZAN

